

# Universiti APEX USM Berjaya

Oleh : Siti Jumaayah Abdol Samat

**N**aib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Prof.Tan Sri Datuk Dzulkifli Abdul Razak berharap agar pemilihan USM sebagai peneraju Program Pemacuan untuk Kecemerlangan (APEX) pertama di Malaysia tidak dijadikan isu untuk dicemburui oleh universiti lain.

Dzulkifli berkata, sebagai universiti yang disandarkan untuk mencapai taraf universiti antarabangsa, ia adalah harapan semua pihak.

“Universiti APEX adalah harapan negara, harapan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan harapan kita sendiri.

“Oleh itu, janganlah timbul perasaan cemburu kerana ini hanya satu permulaan dan perjalanan kita masih jauh,” katanya di dalam majlis memorandum persefahaman (MoU) di antara USM dengan KLEC Ventures Sdn.Bhd di Dewan Tuanku Syed Putra baru-baru ini.

Berpegang pada motto “Kami Memimpin”, beliau tidak menafikan kehebatan Universiti Malaya (UM) yang banyak



Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Khaled Nordin dalam sidang akhbar selepas Majlis Amanat dan Penandatanganan MoU antara USM dan KLEC Ventures Sdn.Bhd

melahirkan graduan sehingga menjadi pemimpin-pemimpin bertaraf antarabangsa. Malah, beliau turut menyebut beberapa nama pemimpin tertinggi USM adalah bekas pelajar UM sendiri.

Sebelum itu, meskipun teruja dengan pengiktirafan universiti APEX, ramai pelajar menyatakan kegelisahan mereka terutama dalam mendapatkan keputusan yang baik dalam peperiksaan.

Seorang yang enggan dikenali berkata, pengiktirafan tertinggi itu sudah tentu menjadi bebanan mereka malah sistem pengredan universiti yang telah ketat sebelum ini masih belum mampu diatasi.

Bersambung di muka surat 4

# Universiti Apex

## Pelajar USM Usah Resah

Bersambung dari muka surat 1

“Saya bangga apabila USM dipilih sebagai universiti APEX, tetapi agak tertekan kerana gred mungkin lebih diperketatkan lagi. Nak dapat PNGK 3.00 pun susah sebelum ni apa lagi setelah diiktiraf Apex oleh KPT,” katanya lagi.

Mengulas masalah itu, Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar (YDPMP), Mohd Syukri Ibrahim berkata, hal itu tidak sepatutnya menjadi masalah bagi pelajar kerana matlamat universiti APEX adalah lima tahun akan datang. Pengiktirafan ini sebagai langkah awal supaya pelajar dapat menyesuaikan diri dengan status yang diberi dan penekanan tahap akademik yang tinggi adalah disasarkan kepada pelajar akan datang.

“Pelajar yang ada sekarang belajarlah seperti biasa dan jangan terlalu tertekan dengan pengiktirafan ini.

“Kita cuma perlu bertindak awal dengan berusaha lebih gigih lagi bagi merealisasikan matlamat lima tahun dari sekarang,” katanya.

Meskipun matlamat menempa nama sebagai universiti Apex pertama telah lama diperkatakan, namun, masih terdapat beberapa pelajar yang tidak tahu mengenai hal itu.

Shafinaz Abdul Hamid, Sains Kimia 2 berkata, terkejut apabila ada pelajar USM sendiri tidak tahu bahawa USM mendapat

peingiktirafan sebagai universiti bertaraf antarabangsa dan ada juga yang menunjukkan sifat yang kurang berminat untuk mendengar berita itu.

“Saya terkejut berasa sungguh kecewa apabila berita USM diumumkan sebagai universiti APEX pertama di Malaysia, pelajar seakan tidak mengendahkan langsung hal itu,” katanya lagi.

Universiti APEX adalah penanda aras dunia dalam bidang akademik di Malaysia. Sebagai sebuah pusat kecemerlangan, ia akan dilengkapi dengan segala kemudahan terbaik dan terkini serta menjadi tempat untuk menarik pelajar pintar dan ahli akademik cemerlang untuk kekal di IPT tempatan.

Bagi tujuan itu, universiti APEX disasarkan untuk memenuhi ciri-ciri seperti pemimpin, fakulti, pelajar dan kemudahan yang terbaik.

### Gotcha

Hair & Beauty Saloon

Hair Cut

RM10

Cut + Wash + Treatment + Blow

Student  
Price

RM40

57-M-4, Jalan Sungai Dua,  
11700 Pulau Pinang (Opposite USM)  
012-412 2215